



PBD 总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan
Jadual Spesifikasi Ujian
(JSU)

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文 Bahasa
Melayu

Tahun

4



4+1 set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks



1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/3OihTsv>



Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/4ibaKYT>

Zaleha Masnar

Nama

Kelas

Sekolah

BAHASA MELAYU [011]

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Bapa Rania seorang pegawai bank ^{官员} bekerja di Bank ABC.

- A Dia
- B Beliau
- C Mereka
- D Baginda

Morfologi Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata ganti nama diri yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Ibu menyimpan ^收 pakaian yang telah dilipat itu ke dalam _____.

- A sofa
- B katil ^床
- C meja
- D almari ^橱

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Nazirah sedang mengutipkan daun-daun kering di taman sains. ^{拾起}
- B Farid dan Yong Ling membantu Ain dicari kucingnya yang hilang ^{季节}
- C Kita hendaklah memakai pakaian yang nipis dan longgar ketika musim panas.
- D Penduduk Taman Jaya bekerjasama dibersihkan longkang di ^宽 (kawasan perumahan) ^{住宅区} mereka.

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lukman menyertai aktiviti kesukarelawanan untuk membantu mangsa banjir di Kampung Teluk. Banjir besar yang melanda kampung itu telah menyebabkan banyak penduduk kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Lukman menyertai aktiviti kesukarelawanan untuk membantu mangsa banjir di Kampung Teluk.

Lukman dan beberapa orang anggota sukarelawan yang lain pergi ke kampung itu dengan menaiki (kereta pacuan empat roda). Mereka membawa barangan seperti pakaian, makanan, dan keperluan asas yang dikumpulkan hasil daripada sumbangan penduduk setempat.

Setibanya di kampung itu, mereka terus (mengagihkan) barangan keperluan kepada keluarga yang terjejas. Mereka juga membantu mangsa banjir membersihkan rumah dan membuang barang-barang yang rosak. Walaupun penat tetapi Lukman berasa gembira dan bangga kerana dapat (menyumbangkan tenaga) untuk (meringankan beban) mereka.

4 Apakah aktiviti yang disertai oleh Lukman?

- A Misi menyelamatkan mangsa tanah runtuh
- B Misi membersihkan rumah anak-anak yatim
- C Program agihan bantuan kepada penduduk miskin
- D Aktiviti kesukarelawanan untuk membantu mangsa banjir

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A Mereka pergi ke Kampung Teluk dengan menaiki bas.
- B Semua mangsa banjir di Kampung Teluk mendapat rumah baharu.
- C Lukman tidak gembira semasa menyertai aktiviti kesukarelawanan itu.
- D Barangan keperluan diagihkan kepada keluarga yang terjejas dalam kejadian banjir itu.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah barangan yang diagihkan kepada mangsa banjir kecuali

- A pakaian.
- B makanan.
- C wang tunai.
- D keperluan asas.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Aina melawat ke pameran kesihatan yang diadakan di sekolahnya. Semasa di pameran tersebut, Aina membaca maklumat tentang jangkitan E. coli.

E. coli ialah nama sejenis kuman atau bakteria yang tinggal dalam saluran penghadaman manusia. Jangkitan E. coli berpunca daripada makanan yang tercemar seperti daging mentah, sayur-sayuran yang tidak dibasuh dengan bersihnya, dan air yang tidak dirawat. Gejala yang biasa dialami oleh pesakit termasuklah cirit-birit, sakit perut, muntah, (hilang selera makan) dan keletihan.

Bagi mencegah jangkitan E. coli, kebersihan dalam penyediaan makanan dan minuman perlu diutamakan. Selain itu, amalan membasuh tangan sebelum makan dan selepas menggunakan tandas juga penting bagi mengelakkan jangkitan bakteria ini. Individu yang mengalami (gejala serius) harus mendapatkan rawatan segera di hospital untuk mengelakkan komplikasi yang (lebih)buruk.

BAHAN 2

PENYAKIT KOLERA (TAUN)

Kolera (taun) merupakan penyakit bawaan air dan makanan yang disebabkan oleh jangkitan bakteria *Vibrio cholerae*. Kolera berjangkit melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar terutamanya ketika (musim banjir).

Gejala:

Cirit-birit secara tiba-tiba dan berterusan

Mungkin tidak membuang (air kecil) kerana kekurangan air

Otot-otot menjadi tegang

Loya dan muntah-muntah (berterusan)

(Tekanan darah rendah) serta (denyutan jantung lemah) dan perlahan

(PENCEGAHAN)



Minum air yang telah dimasak



Makan makanan yang baru dimasak dan masih panas



Tutup semua makanan supaya tidak dihirup lalat



Basuh tangan dengan sabun dan air bersih

**DAPATKAN
RAWATAN
SEGERA,
ELAK
KOMPLIKASI**

7 Semasa melawat ke pameran kesihatan, Aina membaca maklumat tentang

- A penyakit taun. 霍乱症
- B jangkitan E. coli.
- C penyakit jantung. 心脏病
- D panyakit darah tinggi. 高血压

Memahami Aras R

8 Aina melawat ke pameran kesihatan yang diadakan di sekolahnya.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C bentuk. → sebertuk cincin 戒指
- D bidang. → 给大片土地的

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

9 Perkataan gejala dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan

- A kesan. 效果
- B punca.
- C akibat. 结果
- D simptom. 症状

Memahami Aras S

10 Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.

- A Pesakit taun akan mengalami cirit-birit secara tiba-tiba dan berterusan. 持续
- B Jangkitan E. coli dapat dicegah dengan mengambil makanan yang berkhasiat.
- C Penyakit taun berjangkit melalui pengambilan daging mentah yang berlebihan.
- D Aina membaca maklumat tentang penyakit taun semasa melawat ke pameran kesihatan.

Menganalisis Aras T

taun 霍乱症 (泻肚/呕吐)
mentah 没煮熟的
berjangkit 感染

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hakim hendak menghantar makanan ke rumah jirannya, Pak Abu. Dia mengetuk pintu rumah Pak Abu beberapa kali tetapi tiada jawapan. Dia mula berasa risau.

Hakim melihat pintu rumah Pak Abu tidak berkunci. Dia membuka pintu itu dan terkejut apabila melihat Pak Abu terbaring lemah di atas sofa. (Tanpa berlengah,) Hakim pulang ke rumah untuk memaklumkan perkara itu kepada bapanya.

Bapa Hakim segera membawa Pak Abu ke klinik. Setelah diperiksa, doktor mengesahkan bahawa Pak Abu (demam panas). Doktor memberikan ubat dan menasihati Pak Abu supaya minum air secukupnya. Pak Abu mengucapkan terima kasih kepada Hakim dan bapanya. Dia (bersyukur) kerana mempunyai jiran yang prihatin.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Hakim hendak menghantar makanan ke rumah jirannya, Pak Abu.

1 (a) Hakim hendak menghantar makanan kepada _____, Pak Abu.

Memahami Aras R [1 markah]

(b) Mengapakah Hakim terkejut?

Hakim terkejut kerana _____

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) Bulatkan satu kata kerja tak transitif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Tanpa berlengah, Hakim pulang ke rumah untuk memaklumkan perkara itu kepada bapanya.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Setelah diperiksa, doktor mengesahkan bahawa Pak Abu demam panas. 证实

Doktor mengesahkan Pak Abu demam panas setelah diperiksa.	
Doktor memeriksa Pak Abu setelah disahkan demam panas.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

kata kerja 动词

① transitif 后面要有东西

↓

a) mencuci tangan / baju

②

tak transitif → 不必有东西的

↓

a) tidur

b) berehat

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

(下课铃声) 响起. Semasa hendak pergi ke kantin, kamu melihat rakan kamu duduk di pondok rehat sambil termenung. Dia kelihatan sedih.

2 Sebagai rakan yang prihatin, apakah yang akan kamu lakukan? **KBAT**

Sebagai rakan yang prihatin, saya akan mendekati rakan saya itu. Saya akan _____

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah ini tentang penjagaan kesihatan diri.

Tulis pendapat kamu tentang cara menjaga kesihatan diri.


Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



Cara Menjaga Kesihatan Diri



TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang cara menjaga kesihatan diri.

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencilpta Aras T

SUASANA SEMASA (HARI TERBUKA) TAMAN

